



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

# SAINS

TINGKATAN 5

# SPM

2021

*Modul*

**INSPIRASI MateSn**

*(Matematik & Sains)*

Format Baharu Pentaksiran KSSM

SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

Terbitan 2021

© Kementerian Pendidikan Malaysia  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan modul ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Disediakan oleh:  
Unit Sains dan Matematik  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

## KANDUNGAN

Rukun Negara	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	iii
Kata Pengantar	iv
Pengenalan	1
Format Baharu SPM	2
Bab 1 Mikroorganisma	3 – 12
Bab 2 Nutrisi dan Teknologi Makanan	13 – 21
Bab 3 Kelestarian Alam	22 – 30
Bab 4 Kadar Tindak Balas	31 – 43
Bab 5 Sebatian Karbon	44 – 53
Bab 6 Elektrokimia	54 – 64
Bab 7 Cahaya dan Optik	65 – 73
Bab 8 Daya dan Tekanan	74 – 82
Bab 9 Teknologi Angkasa Lepas	83 – 88
Skema	89 – 126
Maklum Balas Guru	127
Maklum Balas Murid	128
Senarai Panel	129
Penghargaan	130

## RUKUN NEGARA



BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997  
[PU(A)531/97.]

## KATA PENGANTAR



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepadaNya atas segala kenikmatan yang diperoleh juga atas kebersamaan dan komitmen semua pihak dalam menghasilkan **Modul INSPIRASI MateSn** bagi mata pelajaran Sains untuk kegunaan murid-murid yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2021.

Terbukti berkat kesungguhan dan keikhlasan dalam satu pasukan, maka penghasilan modul dapat direalisasikan hasil idea, pengalaman dan kepakaran guru-guru rujukan Sains seluruh negeri Kelantan yang terdiri daripada barisan guru cemerlang dan

jurulatih utama. Ucapan penghargaan kepada semua pegawai Unit Sains dan Matematik Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan kerana turut sama menyuntik, merangsang dan menyediakan platform terbaik dalam menghasilkan modul ini yang Insya-Allah akan melonjakkan peningkatan mata pelajaran Sains dalam peperiksaan SPM nanti.

Kreativiti serta inovasi guru amat penting dalam menyuburkan kesedaran dan kefahaman agar murid-murid teruja dan bersemangat untuk menggunakan modul ini kerana pastinya hasil latihan secara berterusan akan menjadi pemangkin kepada peningkatan peratus lulus dan Gred Purata Mata Pelajaran dalam SPM 2021.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua guru di negeri Kelantan khasnya kerana sentiasa ada kebersamaan dengan Jabatan Pendidikan khususnya Sektor Pembelajaran. Semoga para guru dapat mengaplikasi pengajaran dan pembelajaran dengan kebijaksanaan dan mampu mewujudkan iklim pembelajaran yang harmonis selaras dengan matlamat “Memacu Pembelajaran, Pendidikan Cemerlang”.

Sekian, terima kasih.



**MOHD HASSANY BIN HASHIM P.S.K., A.S.K.**

Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

## PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Selaras dengan perubahan ini, Lembaga Peperiksaan telah mengadakan perekaan bentuk format pentaksiran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Seterusnya, perekaan bentuk format pentaksiran menjadi asas kepada pembinaan instrumen pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seiring dengan perubahan format baharu KSSM, penghasilan Modul **INSPIRASI MateSn** Sains ini bertujuan memberi pendedahan dan pencetus idea kepada guru mengenai format pentaksiran SPM yang terkini mulai tahun 2021. Inisiatif Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan pembina modul diharapkan dapat memberi pencerahan kepada guru berkaitan variasi item rutin, bukan rutin dan KBAT yang akan diuji nanti. Item-item yang terkandung dibina untuk memberi idea kepada guru tentang kepelbagaian konstruk, konteks dan aras kesukaran secara keseluruhan.

Guru disaran meneliti modul ini serta melaksanakan PdP/ PdPR yang berkaitan di mana sesuai. Guru juga perlu menjadikan modul ini sebagai pencetus idea dalam mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta menaakul secara logik dalam kalangan murid mereka di samping menyediakan murid bagi menghadapi pentaksiran pusat. Modul **INSPIRASI MateSn** juga dapat memberi gambaran tentang bentuk item yang disoal sebagai latih sendiri atau pengukuhan murid merangkumi topik-topik Tingkatan 4 dan 5.

## FORMAT BAHARU SPM

### FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021 MATA PELAJARAN SAINS (1511)

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (1511/1)	KERTAS 2 (1511/2)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Berstruktur</li> <li>• Subjektif Respon Terhad</li> <li>• Subjektif Respon Terbuka</li> </ul>
3	Bilangan Soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab <b>semua</b> soalan)	<p><b>Bahagian A:</b> (20 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 item (Jawab <b>semua</b> soalan)</li> </ul> <p><b>Bahagian B:</b> (38 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 6 item (Jawab <b>semua</b> soalan)</li> </ul> <p><b>Bahagian C:</b> (22 Markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 item (10 markah) dan</li> <li>• 2 item (12 markah) (Jawab <b>satu</b> soalan)</li> </ul>
4	Jumlah Markah	<b>40 markah</b>	<b>80 markah</b>
5	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat</li> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat</li> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10	Alat Tambahan	Kalkulator saintifik	

# BAB

# 1



## MIKROORGANISMA


## BAB 1: MIKROORGANISMA

### KERTAS 1

1. Antara berikut, yang manakah padanan yang betul floral normal pada bahagian-bahagian tertentu badan manusia.

	Floral normal	Bahagian badan
A	<i>Staphylococcus</i> sp.	Kulit
B	<i>Lactobacillus</i> sp.	Uretra
C	<i>Corynebacterium</i> sp.	Usus kecil
D	<i>Escherichia coli</i>	Salur pernafasan

2. Rajah 1 menunjukkan sejenis mikroorganisma.



Rajah 1

Antara berikut, mikroorganisma yang manakah membiak dengan cara yang sama seperti Rajah 1.

- |   |                  |   |                      |
|---|------------------|---|----------------------|
| A | Yis              | C | <i>Amoeba</i> sp.    |
| B | <i>Mucor</i> sp. | D | <i>Spirogyra</i> sp. |
- 3 Antibiotik adalah ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria. Antara penyakit berikut, yang manakah berkesan dengan rawatan antibiotik?

- |   |         |   |           |
|---|---------|---|-----------|
| A | Kayap   | C | Covid-19  |
| B | Selsema | D | Pneumonia |

4. Rajah 2 menunjukkan tempoyak yang dihasilkan daripada penapaian isi durian yang masak ranum dengan sejenis mikroorganisma baik probiotik yang menyebabkan rasa isi durian tersebut menjadi masam dan baik untuk kesihatan badan.



Rajah 2

Apakah mikroorganisma itu?

- A *Vibrio Cholera*
  - B *Lactobacillus* sp.
  - C *Streptococcus* sp
  - D *Staphylococcus* sp.
5. Rajah 3 menunjukkan seorang jururawat memberikan suntikan vaksin pencegahan virus Covid-19 kepada seorang lelaki.



Rajah 3


Apakah bahan yang disapu pada bahu lelaki tersebut sebelum disuntik ?

- A Sabun
- B Cecair klorin
- C Hidrogen peroksida
- D Alcohol isopropyl 70%

**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan kelembapan terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp



Rajah 1

Bilangan koloni bakteria dalam piring petri P dan Q diperhatikan selepas tiga hari. Keputusan eksperimen ini direkodkan dalam Jadual 1

Piring petri	Kelembapan agar-agar nutrien	Bilangan koloni bakteria
P	Tinggi	.....
Q	Rendah	.....

Jadual 1

- a) Nyatakan bilangan koloni bakteria dalam jadual 1

[1 markah]

- b) Nyatakan satu hipotesis bagi eksperimen ini.

.....

[1 markah]

c) Nyatakan pemboleh ubah yang terlibat dalam eksperimen ini.

(i) Pemboleh ubah dimanipulasi :  
.....

(ii) Pemboleh ubah bergerak balas :  
.....


[2 markah]

d) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi pertumbuhan bakteria?

.....  
.....

[1 markah]

2 Rajah 2 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan cahaya terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp



Rajah 2

Bilangan koloni bakteria dalam dalam piring petri P dan Q diperhatikan selepas tiga hari.

Keputusan eksperimen ini direkodkan dalam Jadual 2

Piring petri	Kehadiran cahaya	Bilangan koloni bakteria
A	Tiada	6
B	Ada	1

Jadual 2

- a) Berdasarkan Jadual 2, nyatakan **satu** pemerhatian bagi piring petri A.

.....

[1 markah]

- b) Nyatakan satu inferens bagi jawapan di 2(a).

.....

[1 markah]

- c) Nyatakan pemboleh ubah yang terlibat dalam eksperimen ini.

- (i) Pemboleh ubah dimanipulasi :

.....

- (ii) Pemboleh ubah dimalarkan :

.....

[2 markah]

- d) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya piring petri B diletakkan di bawah sinaran matahari pada waktu tengah hari ?


.....

.....

[1 markah]

**BAHAGIAN B**

1. Rajah 3 menunjukkan empat jenis mikroorganisma.



Rajah 3

a) Nyatakan kelas bagi mikroorganisma P dan Q

P : .....

Q : .....

[2 markah]

b) Berdasarkan Rajah 3 ,mikroorganisma yang manakah berada dalam kelas yang sama

.....

[1 markah]

c) *Spirogyra* sp. adalah sejenis alga.

(i) Apakah kandungan dalam sel *Spirogyra* sp. yang menyebabkannya berwarna hijau ?

.....

(ii) Nyatakan fungsi kandungan tersebut.

.....

[2 markah]

d) Mikroorganisma Q adalah patogen yang boleh mencemari makanan dan air menyebabkan cirit birit dan muntah-muntah yang teruk terhadap individu yang terkena jangkitannya. Apakah langkah pencegahan untuk mengelakkan penyakit ini ?

.....

[1 markah]

2. Slogan ‘mencegah lebih baik daripada merawat’ adalah bertepatan dengan teknik aseptik yang dijalankan dalam prosedur kesihatan .

a) Apakah maksud teknik aseptik?

.....

[1 markah]

b) Nyatakan 2 teknik aseptik yang boleh digunakan untuk menyingkirkan mikroorganisma daripada peralatan atau objek?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

c) Padankan jenis antiseptik berikut dengan kegunaannya yang betul.

Bahan peluntur		Mensterilkan permukaan kulit
Acriflavin		Mencuci kain
Hidrogen peroksida		Disapu pada luka
Alkohol isopropyl 70%		Mensterilkan permukaan lantai

[2 markah]

d) Seorang doktor yang ingin menjalankan prosedur pembedahan di bilik bedah mengarahkan kakitangannya mensteril bilik tersebut.

Apakah teknik aseptik yang paling sesuai ?

.....

[1 markah]



## BAHAGIAN C

11 Kaji maklumat berikut:

Seorang murid telah mengalami demam dan sakit kerongkong. Doktor telah mengesahkan bahawa kerongkongnya telah menjadi merah akibat jangkitan sejenis bakteria. Untuk mengatasi sakit kerongkong, murid itu telah dibekalkan dengan antibiotik.

- a) Nyatakan satu pernyataan masalah daripada maklumat di atas. [1 markah]
- b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas [1 markah]
- c) Berdasarkan pernyataan yang diberi , rancang satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan larutan kultur bakteria *Bacillus* sp.,agar-agar nutrient steril,empat ceper kertas turas berdiameter 6mm,larutan penisilin dengan kepekatan berlainan seperti 10%, 20%, dan30%, air suling, penanda, pita selofan, piring petri dengan penutup, picagari, forceps steril, dan kertas grid lutsinar.Huraian anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:
  - i) Tujuan eksperimen [1 markah]
  - ii) Mengenalpasti faktor yang ditetapkan [2 markah]
  - iv) Prosedur atau kaedah [4 markah]
  - i) Penjadualan data [1 markah]

- 12 a) Nyatakan dua jenis mikroorganisma flora normal? [2 markah]
- b) Bagaimanakah flora normal memberi faedah kepada manusia? [2 markah]
- c) Bakteria yang memberikan kebaikan kepada manusia dikenali sebagai flora normal manakala bakteria yang mendatangkan penyakit dikenali sebagai patogen. Banding bezakan diantara bakteria flora normal dan pathogen [4 markah]
- d) Baca petikan akhbar di bawah.

Kuala Lumpur : Kerajaan tidak bercadang mewajibkan suntikan vaksin kepada rakyat selaras dengan kebebasan program vaksinasi yang lain dalam dasar kesihatan awam. Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairil Jamaluddin Abu Bakar.

Sumber : Berita Harian 28 Julai 2021

Adakah anda bersetuju ? Wajarkan jawapan anda. [4 markah]

# BAB

# 2



## NUTRISI DAN TEKNOLOGI MAKANAN

## BAB 2: NUTRISI DAN TEKNOLOGI MAKANAN

### KERTAS 1

- 1 Jadual 1 menunjukkan nilai kalori bagi sarapan pagi seorang lelaki.

Jenis makanan	Nilai kalori (kJ/100g)
Nasi lemak	173.9
Ayam goreng	212.5
Ikan bilis sambal	315
Oren	23.1

Jadual 1

Makanan yang manakah mengandungi nilai kalori paling tinggi?

- A 300g oren  
B 230g nasi lemak  
C 200g ayam goreng  
D 50g ikan bilis sambal
- 2 Seorang lelaki sentiasa mengambil makanan atau minuman yang tinggi kandungan gula untuk jangka masa yang panjang.  
Apakah masalah kesihatan yang akan dihadapinya?
- A Aterosklerosis  
B Diabetes melitus  
C Diabetes Insipidus  
D Anoreksia nervosa
- 3 Satu pokok jagung mengalami gejala-gejala pertumbuhan berikut:
- Daun bahagian atas berwarna ungu
  - Batang tumbuhan lemah
  - Penghasilan bunga dan buah terhenti
  - Pertumbuhan akar merosot

Apakah nutrien yang tidak mencukupi bagi pertumbuhan pokok jagung tersebut?

- A Fosforus  
B Nitrogen  
C Kalium  
D Sulfur


- 4 Jadual menunjukkan padanan bahan kimia yang digunakan untuk memproses beberapa jenis makanan.

Antara berikut, yang manakah padanan yang betul?

	Jenis makanan	Bahan kimia
A	Asid borik	Kordial buah-buahan
B	Lesitin	Keju
C	Sos tomato	Kanji
D	Asid askorbik	Mi segera

- 5 Rajah menunjukkan label makanan bagi sos pencicah?

**SOS PENCICAH**



Ingredient :  
Sugar, Chilli, Vinegar, Salts,  
Preservatives

Ramuan :  
Gula, Cili, Cuka, Garam,  
Bahan Pengawet

Used before : 31/12/2015  
Guna Sebelum : 31/12/2015

Produced by :  
Dibuat oleh :  
Sedap Enterprise  
106, Kg. Bukit Tajam  
20050 Setiu  
Terengganu

Made in Malaysia  
Buatan Malaysia

RM 2.50


Apakah maklumat yang tidak dinyatakan pada botol sos pencicah?

- A Maklumat isi kandungan
- B Alamat pengilang
- C Berat bersih
- D Tarikh luput

**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

1. Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk menganggarkan nilai kalori dalam beberapa sampel makanan dengan menggunakan kalorimeter



Rajah 1

Keputusan eksperimen ini direkodkan dalam Jadual 1.

Sampel makanan	Kacang tanah	Roti
Jisim sampel makanan (g)	1	1
Jisim air (g)	10	10
Suhu awal air (°C)	30	30
Suhu akhir air (°C)	90	80
Perubahan suhu (°C)		
Nilai kalori (kJ g <sup>-1</sup> )		

Jadual 1

- a) Nyatakan hipotesis bagi eksperimen ini.

.....

[1 markah]

- b) Hitung nilai kalori bagi kacang tanah dan roti dengan menggunakan formula berikut:

$$\text{Nilai kalori makanan} = \frac{4.2 \text{ Jg}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1} \times \text{jisim air (g)} \times \text{Perubahan suhu air (}^{\circ}\text{C)}}{\text{Jisim sampel makanan(g)} \times 1000}$$

Tuliskan jawapan perubahan suhu dan nilai kalori dalam Jadual 1.

[2 markah]

- c) Apakah faktor yang ditetapkan dalam eksperimen ini?

.....  
[1 markah]

- d) Apakah kelas makanan yang tidak mengandungi nilai kalori?

.....  
[1 markah]

2. Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 menunjukkan keputusan satu eksperimen untuk mengkaji keperluan nitrogen terhadap pertumbuhan anak benih jagung.



Rajah 2.1

Rajah 2.2

- a) Nyatakan satu pemerhatian bagi Rajah 2.2.

.....  
[1 markah]

b) Berdasarkan jawapan di 1(a), nyatakan inferens bagi eksperimen ini.

.....  
[1 markah]

c) Nyatakan pembolehubah yang terlibat dalam eksperimen ini.

(iii) Pembolehubah dimanipulasi : .....

(iv) Pembolehubah bergerak balas : .....

[2 markah]

d) Seorang petani mendapati pokok yang ditanam mempunyai pucuk yang berwarna ungu dan pertumbuhan terbantut. Cadangkan satu unsur yang perlu ditambah kepada pokok itu.

.....  
[1 markah]

**BAHAGIAN B**

Rajah 3 menunjukkan buah durian yang diproses untuk dieksport ke luar negara seperti China dan Singapura

1.



Rajah 3

a) Namakan kaedah pemrosesan buah dalam Rajah 3.

.....  
[1 markah]

b) Apakah tujuan kaedah pemrosesan di 1 (a) digunakan?

.....  
[1 markah]

- c) Terangkan satu kaedah lain yang boleh digunakan bagi menggantikan kaedah di 1(a)

.....  
.....

[2 markah]

- d) Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya berlaku kebocoran dalam kaedah pemproses di Rajah 3?

.....

[1 markah]

- e) Selain daripada buah durian, nyatakan buah-buahan tempatan lain yang sesuai menggunakan kaedah pemprosesan seperti di Rajah 3.

.....

[1 markah]

2. Rajah 4 menunjukkan suplemen kesihatan yang boleh diambil oleh penghidap Talasemia.



Rajah 4

- a) Apakah kebaikan pengambilan suplemen kesihatan ke atas pesakit Talasemia?

.....

[1 markah]

- b) Nyatakan satu kesan buruk pengambilan suplemen kesihatan tanpa mematuhi dos yang ditetapkan?

.....

[1 markah]

- c) Tandakan ( $\checkmark$ ) gizi yang boleh membantu meningkatkan zat besi dalam darah pesakit Talasemia

Bayam	Daging merah	Nasi	Minuman berkarbonat

[2 markah]

- d) Sekiranya anda diberi pilihan antara gizi seimbang dengan suplemen kesihatan, yang manakah menjadi pilihan anda untuk kekal sihat dan cergas. Wajarkan jawapan anda.

.....

.....

[2 markah]

### BAHAGIAN C

11. Kaji maklumat berikut:

Seorang pengusaha kebun mempelam Harum Manis mendapati pokoknya kurang menghasilkan buah. Beliau menambah baja fosforus untuk mengatasi masalah itu. Setelah beberapa minggu didapati pokok mempelam Harum Manis berjaya berbuah dengan banyaknya.

- a) Nyatakan satu pernyataan masalah daripada maklumat di atas [1 markah]
- b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas [1 markah]
- c) Berdasarkan pernyataan yang diberi, rancang satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan air suling, larutan kultur lengkap, larutan kultur tanpa fosforus, anak benih jagung, kertas hitam, kapas, tabung didih, tiub penghantar, pam udara dan gabus.
- i) Tujuan eksperimen [1 markah]
- ii) Mengenalpasti pemboleh ubah [2 markah]
- iv) Prosedur atau kaedah [4markah]
- i) Penjadualan data [1 markah]

- 12 Kitar nitrogen ialah kitar semulajadi yang mengitaran unsur nitrogen antara tumbuhan dengan haiwan dan seterusnya di atmosfera, tanah dan air.
- a) Nyatakan dua jenis bakteria yang terlibat dalam kitar semulajadi nitrogen [2 markah]
- b) Terangkan peranan kedua-dua bakteria di 12(a) [2 markah]
- c) Kira-kira 78 % komposisi udara terdiri daripada gas nitrogen.  
Apakah yang akan berlaku sekiranya tiada kitar nitrogen dalam dunia ini?  
Wajarkan jawapan anda. [4 markah]
- d) Kawalan biologi merupakan satu kaedah alternatif bagi menggantikan penggunaan racun serangga. Nyatakan kelebihan dan kekurangan kaedah kawalan biologi. [4 markah]





# BAB



# 3




## KELESTARIAN ALAM SEKITAR

### BAB 3: KELESTARIAN ALAM SEKITAR


#### KERTAS 1

- 1 Antara berikut yang manakah merupakan cara meningkatkan kesan tapak tangan karbon?
  - A Membakar dan menanam sampah sarap
  - B Penggunaan baja kimia bagi meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.
  - C Menggantikan kenderaan berenjin diesel kepada kenderaan enjin petrol
  - D Menggunakan sumber tenaga boleh baharu dalam kehidupan seharian
- 2 Berikut merupakan proses-proses yang terlibat dalam kitar hidup produk



Apakah yang diwakili oleh W,X,Y dan Z?

- A Pengedaran, pembuatan, penggunaan, pelupusan
  - B Penggunaan, pengedaran, pembuatan, pelupusan
  - C Pembuatan, pengedaran, penggunaan, pelupusan
  - D Pelupusan, pembuatan, pengedaran, penggunaan
- 3 Carta di bawah menunjukkan satu proses eutrofikasi akibat pencemaran.



Bagaimanakah masalah ini boleh berlaku?


- A Pembuangan sampah sarap ke dalam sistem pengairan
- B Penggunaan baja yang berlebihan dalam aktiviti pertanian
- C Penggunaan racun rumpai yang berlebihan dalam aktiviti pertanian
- D Penggunaan bebola lumpur mikroorganisma efektif yang berlebihan

4 Antara berikut yang manakah merupakan punca pencemaran udara?

- I. Pembakaran bahan api fosil oleh kenderaan
- II. Kebakaran hutan
- III. Letusan gunung berapi
- IV. Tumpahan minyak

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

5 Rajah menunjukkan kajian BOD terhadap 4 sampel air.



Rajah 1

Data yang diperolehi adalah seperti berikut:

Sampel	Masa yang diambil oleh larutan metilena biru untuk luntur (min)
W	60
X	40
Y	20
Z	Warna larutan tidak berubah


Yang manakah merupakan jawapan yang betul bagi menentukan punca air bagi sampel A,B,C dan D?

Punca Air / Sampel	Paip	Kolam	Sungai	Air suling
A	W	X	Y	Z
B	Z	W	X	Y
C	Y	Z	W	X
D	X	Y	Z	W

## KERTAS 2

### BAHAGIAN A

Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji tahap pencemaran air dalam sampel air yang berbeza.



Rajah 1

Keputusan yang diperoleh adalah seperti berikut:

Sampel	Punca air	Masa yang diambil oleh larutan metilena biru untuk luntur (min)
A	Air paip	60
B	Air kolam	40
C	Air sungai	20
D	Air suling	Warna larutan tidak berubah

Nyatakan pemboleh ubah dalam eksperimen ini.

a) Pemboleh ubah dimanipulasikan : .....

Pemboleh ubah dimalarkan : .....

[2 markah]

- b) Tuliskan satu hipotesis bagi eksperimen ini.

.....  
[1 markah]

- c) (i) Nyatakan satu pemerhatian bagi eksperimen ini.

.....  
[1 markah]

- d) Nyatakan satu cara untuk mengatasi pencemaran sungai dengan menggunakan mikroorganisma.

.....  
[1 markah]

## BAHAGIAN B

1. Rajah 2 di bawah menunjukkan tapak tangan karbon

**Tapak tangan karbon**  
(*carbon handprint*) bagi sesuatu produk merujuk kepada **impak positif** terhadap kelestarian alam sekitar yang disebabkan oleh produk tersebut sepanjang **kitar hayatnya**.



Rajah 2

- a) Apakah yang anda faham tentang istilah 'upcycle'?

.....  
[1 markah]

- b) Berikan satu contoh produk 'upcycle' daripada bahan buangan plastik.

.....  
[1 markah]


- c) Kenapakah mikroplastik yang berada dalam ikan merbahaya kepada manusia?  
Berikan alasan anda.

.....  
.....  
[2 markah]

- d) Anda dibekalkan dengan botol plastik terpakai, batu sungai, pasir halus, pasir kasar, arang dan kain kapas, dan pisau. Anda diminta melukis dan melabelkan satu model penapis air menggunakan radas dan bahan yang diberi.

[3 markah]

2. Rajah 3 di bawah menunjukkan graf kandungan karbon dioksida dari tahun 2006 hingga 2020.



Sumber: <https://climate.nasa.gov/>

Rajah 3

- a) Apakah arah aliran yang ditunjukkan oleh graf di atas?

.....

[1 markah]

- b) Namakan fenomena yang berlaku dan nyatakan kesannya terhadap bumi.

.....  
.....

[2 markah]

- c) Huraikan secara ringkas bagaimana fenomena ini berlaku.

.....  
.....

[2 markah]

- d) Namakan satu teknologi yang menggunakan mikro alga marin bagi mengurangkan kandungan karbon dioksida di atmosfera.

.....

[1 markah]

### BAHAGIAN C

11. Anda dibekalkan dengan tiga sampel air daripada tiga buah kolam yang berbeza. Salah satu daripada kolam ini akan digunakan sebagai tempat projek pembiakan ikan air tawar. Anda dikehendaki menentukan air kolam yang manakah paling bersih dan sesuai untuk projek ini.

- a) Nyatakan satu pernyataan masalah daripada maklumat di atas [1 markah]
- b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas [1 markah]
- c) Berdasarkan pernyataan yang diberi, rancang satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan tiga sampel air kolam A, B dan C, botol reagen dengan penutup, picagari, silinder penyukat dan larutan metilena biru 0.1%  
Huraian anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:
- i) Tujuan eksperimen [1 markah]
- ii) Mengenalpasti pemboleh ubah [2 markah]
- iv) Prosedur atau kaedah [4 markah]
- v) Penjadualan data [1 markah]


- 12 a) Berikan dua punca pencemaran air.

[2markah]

- b) Nyatakan dua kesan buruk penggunaan baja berlebihan dalam bidang pertanian.

[2 markah]

- c) Rajah 4 di bawah menunjukkan dua jenis bahan yang boleh digunakan untuk meracun rumput. Rumah anda menggunakan sumber air daripada telaga. Anda dikehendaki memilih bahan yang sesuai untuk meracun rumput di kawasan sekeliling rumah anda.



Rajah 4

Bahan manakah yang akan anda pilih?  
Jelaskan sebab bagi pemilihan anda.

[4 markah]

- d) Rajah 5 menunjukkan 2 jenis kenderaan yang ada dalam pasaran sekarang.



Kereta enjin petrol

Kereta hibrid

Rajah 5

Pada pendapat anda, kenderaan yang manakah merupakan pilihan terbaik bagi menyokong usaha mengurangkan kesan pemanasan global? Wajarkan jawapan anda.

[4 markah]

- 13 a) Apakah yang anda faham tentang teknologi emisi negatif?  
[2 markah]
- b) PBB dengan kerjasama negara-negara di seluruh dunia memainkan peranan penting dalam menangani isu berkaitan dengan alam sekitar. Nyatakan dua langkah yang telah diambil oleh PBB bagi menangani isu alam sekitar.  
[2 markah]
- c) Senaraikan dua mikroorganisma efektif. Terangkan bagaimana mikroorganisma ini membantu membersihkan air yang tercemar.  
[4 markah]
- d) Sisa plastik merupakan satu masalah utama pencemaran di peringkat global. Antaranya ialah penggunaan penyedut minuman plastik dalam kehidupan seharian, samada di restoran mahupun di rumah.  
Ada cadangan mengharamkan penggunaan penyedut minuman plastik dan menggantikannya dengan penyedut minuman berasaskan kertas ataupun aluminium.  
Wajarkan cadangan ini.  
[ 4 markah]

# BAB

# 4




## KADAR TINDAK BALAS

## BAB 4: KADAR TINDAK BALAS

### KERTAS 1

1. Rajah 1 menunjukkan graf perubahan kuantiti bahan tindak balas melawan masa.




Rajah 1

Antara pernyataan di bawah, yang manakah betul tentang Rajah 1.

- A Tindak balas I lebih cepat.
  - B Kuantiti bahan tindak balas I bertambah.
  - C Kuantiti bahan tindak balas bertambah dengan masa.
  - D Kuantiti bahan tindak balas berkurang dengan masa.
2. Antara berikut yang manakah hasil yang boleh diukur untuk menentukan kadar tindak balas?
- A Pembentukan larutan natrium klorida.
  - B Perubahan warna kertas litmus.
  - C Pengurangan jisim pita magnesium.
  - D Warna nyalaan

3. Rajah 2 menunjukkan graf isipadu gas hidrogen yang terbebas melawan masa.



Rajah 2

Hitung kadar tindak balas purata dalam 2 minit pertama.

( Kadar tindak balas =  $\frac{\text{Perubahan hasil tindak balas}}{\text{Masa}}$  )


Masa

- A  $0.36 \text{ cm}^{-3}\text{s}^{-1}$   
B  $0.67 \text{ cm}^{-3}\text{s}^{-1}$   
C  $1.5 \text{ cm}^{-3}\text{s}^{-1}$   
D  $2.0 \text{ cm}^{-3}\text{s}^{-1}$
4. Antara berikut, yang manakah pernyataan yang betul tentang faktor- faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas ?
- A Apabila saiz pepejal bahan tindak balas bertambah, kadar tindak balas meningkat.  
B Apabila kepekatan bahan tindak balas meningkat, kadar tindak balas meningkat.  
C Apabila suhu bahan tindak balas berkurang, kadar tindak balas meningkat,  
D Apabila mangkin meningkat, kadar tindak balas meningkat.

5. Antara berikut yang manakah keadaan yang diperlukan untuk proses Haber?
- I Suhu  $450\text{ }^{\circ}\text{C} - 550\text{ }^{\circ}\text{C}$
  - II Tekanan 1 atm
  - III Serbuk ferum
  - IV Vanadium (V) oksida
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
6. Seorang murid menjalankan eksperimen untuk mengkaji kesan kepekatan terhadap kadar tindak balas. Larutan natrium tiosulfat dengan kepekatan yang berbeza digunakan untuk bertindak balas dengan asid hidroklorik. Graf manakah yang menunjukkan keputusan eksperimen itu ?


- A Kepekatan larutan natrium tiosulfat

(  $\text{mol dm}^{-3}$  )




- B Kepekatan larutan natrium tiosulfat

(  $\text{mol dm}^{-3}$  )




C Kepekatan larutan natrium tiosulfat

( mol dm<sup>-3</sup> )



D Kepekatan larutan natrium tiosulfat


( mol dm<sup>-3</sup> )



**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

1. Rajah 1 menunjukkan seorang pelajar sedang menjalankan eksperimen untuk mengkaji kesan kepekatan larutan natrium tiosulfat terhadap kadar tindak balas.



Rajah 1

Keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 1

Kepekatan larutan natrium tiosulfat ( $\text{mol dm}^{-3}$ )	0.18	0.16	0.12	0.08	0.04
Masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan (s)	18	20	27	41	83

Jadual 1

- a) Nyatakan hipotesis dalam eksperimen ini.

.....  
[ 1 markah]

- b) Berdasarkan eksperimen di atas, nyatakan

(i) pembolehubah yang dimanipulasi

.....  
[1 markah]

(ii) satu faktor yang boleh ditetapkan.

.....  
[ 1 markah]

- (c) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi kadar tindak balas.

-----

(1 markah)

- d) Rajah 2 menunjukkan sebuah periuk tekanan.



Rajah 2

Memasak sup tulang dalam periuk tekanan adalah lebih cepat daripada memasak menggunakan periuk biasa. Terangkan jawapan anda


-----

[ 1 markah]

- 2 Seorang murid telah menjalankan eksperimen untuk mengkaji tindak balas antara zink dan asid hidroklorik. Keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 2.

Masa ( s )	0	30	60	90	120	150	180	210	240	270
Isipadu gas hidrogen (cm <sup>-3</sup> )	0.00	17.00	25.50	32.00	—	40.00	42.50	45.00	46.00	46.00


Jadual 2



- a) Menggunakan data dalam jadual 2, lukis graf isipadu gas hidrogen melawan masa. [2 markah]
- b) Berdasarkan graf di 2(a), nyatakan isipadu gas hidrogen yang dibebaskan pada masa 120 saat. [1 markah]
- 
- c) Nyatakan hubungan antara isipadu gas dan masa tindak balas. [ 1 markah]
- 
- d) Berdasarkan jadual 2, hitung kadar tindak balas purata bagi keseluruhan tindak balas [ 1 markah]

## BAHAGIAN B

1. Rajah 3 menunjukkan graf bagi eksperimen untuk mengkaji kadar tindak balas antara ketulan kalsium karbonat dengan asid hidroklorik cair



Rajah 3

- a) Apakah maksud kadar tindak balas?

.....  
[1 markah]

- b) Nyatakan **satu** hasil tindak balas dalam eksperimen di atas.

.....  
[1 markah]

- c) Hitung kadar tindak balas pada masa 20 s bagi tindak balas tersebut.

[2 markah]

- d) Bandingkan kadar tindak balas pada saat ke 20 dan saat ke 40 . Berikan penjelasan.

-----  
-----

[2 markah]

2. Persamaan perkataan di bawah menunjukkan tindak balas antara plumbum (II) nitrat dan kalium iodida.yang menghasilkan mendakan kuning plumbum(II) iodida.



- a) Nyatakan maksud tindak balas kimia.

-----

[1 markah]

- b) Berdasarkan persamaan tindak balas di atas :

Nyatakan perubahan kuantiti **hasil** tindak balas yang boleh diperhatikan dan hubungannya dengan mas .


-----  
-----

[2 markah]

- (i) Lakarkan graf perubahan kuantiti **bahan** tindak balas melawan masa.

[2 markah]

- c) Graf di bawah menunjukkan perubahan kuantiti hasil tindak balas melawan masa.



Pengaratan logam merupakan satu contoh tindak balas kimia yang berlaku dalam kehidupan harian kita. Lengkung yang manakah boleh menerangkan tindak balas tersebut. Wajarkan.

.....


.....

[ 1 markah]

### BAHAGIAN C

11. Rajah 3 menunjukkan persamaan tindak balas dalam satu proses kimia.

Penghasilan ammonia dalam proses Haber lebih **cepat** dengan kehadiran mangkin serbuk besi dalam campuran bahan tindak balas.



Rajah 3

- a) Nyatakan satu pernyataan masalah daripada maklumat di atas [1 markah]
- b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas [1 markah]

- c) Berdasarkan maklumat yang diberi reka bentuk satu eksperimen makmal untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan ketulan zink , asid hidroklorik cair 0.1 mol dm<sup>-3</sup>, larutan kuprum(II) sulfat 0.5 mol dm<sup>-3</sup>, kelalang kon 250 cm<sup>-3</sup>, silinder penyukat 50 cm<sup>-3</sup>, penyumbat getah dengan salur penghantar, buret, besen, kaki retort,dengan pengapit, spatula dan jam randik .

Huraian anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:

- |                                  |            |
|----------------------------------|------------|
| i) Tujuan eksperimen             | [1 markah] |
| ii) Mengenal pasti pemboleh ubah | [2 markah] |
| iii) Prosedur atau kaedah        | [4 markah] |
| iv) Penjadualan data             | [1 markah] |

- 12 a) Berikut ialah satu daripada tindak balas kimia yang berlaku dalam Proses Sentuh.



Apakah bahan yang dihasilkan dalam Proses Sentuh dan tuliskan formulanya.

[2markah]

- b) Berdasarkan persamaan kimia di atas, tuliskan pernyataan bagi tindak balas tersebut.

[2 markah]

- c) Banding bezakan antara Proses Sentuh dengan Proses Haber

[4 markah]

- d) Penghasilan gas sulfur trioksida boleh menyebabkan hujan asid apabila terbebas ke atmosfera.

Adakah anda bersetuju sekiranya pemilik industri yang terlibat dikenakan tindakan undang – undang?

Wajarkan jawapan anda.

[4 markah]

- 13 a) Rajah 4 menunjukkan penggunaan baja kimia dalam bidang pertanian.



Nyatakan satu unsur utama yang terdapat dalam ammonia. dan namakan proses penghasilannya.

[2 markah ]

- b) Terangkan bagaimana ammonia membantu para petani dalam bidang pertanian

[2 markah ]

- c) Huraikan proses penghasilan ammonia dengan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhinya.

[4 markah ]

- d) Penggunaan baja kimia telah menyebabkan berlakunya fenomena eutrofikasi. Banding beza antara penggunaan baja organik dan baja kimia serta kesannya ke atas alam sekitar.

Wajarkan jawapan anda.

[4 markah ]



# BAB

# 5



## SEBATIAN KARBON

## BAB 5: SEBATIAN KARBON

### KERTAS 1

1. Antara berikut yang manakah sebatian karbon bukan organik ?

- A Petroleum
- B Arang kayu
- C Batu kapur
- D Sutera


2. Baca petikan di bawah.

Berjuta-juta tahun dahulu, sisa tumbuhan mati tertanam secara semula jadi di dalam tanah.

Berdasarkan petikan di atas, apakah sumber semula jadi yang dapat dihasilkan ?

- A Kalsium karbonat
- B Gas asli
- C Petroleum
- D Arang batu


3. Rajah 1 menunjukkan radas bagi proses penyulingan alkohol.






Rajah 1

- Nyatakan fungsi kondenser Liebig dalam eksperimen di atas ?
- A Menukarkan wap etanol kepada cecair etanol
  - B Meningkatkan kelajuan cecair etanol keluar
  - C Memudahkan pengumpulan cecair etanol
  - D Menambah isipadu cecair alkohol
4. Antara berikut, yang manakah betul tentang ciri-ciri lemak tak tepu ?
- A Pepejal dalam suhu bilik
  - B Mempunyai ikatan ganda dua dalam molekulnya.
  - C Takat lebur tinggi
  - D Sumber daripada haiwan.
5. Antara berikut ialah skop pengurusan lestari dalam industri kelapa sawit KECUALI
- A Kualiti udara
  - B Air sisa
  - C Sisa kelapa sawit
  - D Tanaman bersepadu
6. Antara berikut, proses manakah yang berkait rapat dengan penghasilan produk dalam bidang kosmetik.
- A Pembakaran
  - B Penapaian
  - C Pengesteran
  - D Penyulingan
- 7 Alkena adalah sebatian hidrokarbon tak tepu yang mempunyai formula am  $C_nH_{2n}$  di mana  $n = 2, 3 \dots$

Antara berikut yang manakah struktur yang betul bagi molekul heksena ?






**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

1. Rajah 1.1 dan 1.2 menunjukkan susunan radas bagi penyediaan alkohol dalam makmal.



Rajah 1.1

Rajah 1.2

- a) Berdasarkan Rajah 1.1 dan Rajah 1.2, nyatakan pemerhatian anda.

-----  
[1 markah]

b) Nyatakan satu inferens bagi eksperimen di atas.

-----

[ 1 markah ]

c) Nyatakan pembolehubah dalam eksperimen ini.

(i) Pembolehubah yang dimanipulasi : .....

(ii) Pembolehubah yang dimalarkan : .....

[ 2 markah ]


d) Bagaimana campuran etanol dan air dapat diasingkan melalui penyulingan berperingkat?

-----

( 1 markah )

### BAHAGIAN B

1. Rajah 2 menunjukkan satu eksperimen yang berkaitan dengan alkohol.



Rajah 2

a) Nyatakan satu sifat fizik bagi alkohol.

-----

[ 1 markah ]

b) Namakan proses yang sedang dijalankan dalam rajah 2.

-----

[ 1 markah ]

- c) Apakah bahan yang dihasilkan daripada proses di (b) Tuliskan persamaan perkataan bagi tindakbalas tersebut.

-----  
-----


[2 markah]

- d) Nyatakan dua ujian yang sesuai untuk mengesahkan hasil dalam tindakbalas di atas.

-----  
-----

[2 markah]

2. Rajah 3 menunjukkan sebatian hidrokarbon tepu.



Rajah 3

- a) Apakah maksud hidrokarbon?

-----

[1 markah]

- b) Nyatakan siri homolog bagi sebatian hidrokarbon di atas dan tuliskan formula sebatianannya.

-----  
-----

[2 markah]


- c) Huraikan mengapa sebatian hidrokarbon tersebut dikelaskan sebagai hidrokarbon tepu.

-----

-----

[2 markah]

- d) Baca dan fahami maklumat yang diberikan.



Sumber petikan : <https://unfccc.int/news/new-methane-sqns-underline-urgency-to-reverse-emissions>

